

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN
ABDUL RAHIM [BALING]**

TARIKH : **11 MAC 2015 (RABU)**

SOALAN:

Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam menyelaraskan sistem pembelajaran dan pembangunan di sekolah agama pondok terutamanya di kawasan luar Bandar seperti di Baling.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua sekolah agama yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama di negeri masing-masing. Begitu juga, semua sekolah pondok di negeri Kedah adalah tertakluk

kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Negeri Kedah, 1988.

Oleh itu, tanggungjawab dalam aspek pentadbiran dan pembangunan sekolah tersebut adalah berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Pihak Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan penambahbaikan sekolah berdasarkan permohonan daripada pihak sekolah. Di samping itu kursus dan latihan kepada guru-guru juga dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha untuk menyelaraskan sistem pembelajaran dan pembangunan di sekolah pondok dengan inisiatif berikut:

- i. menggalakkan sekolah pondok berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Antara kebaikan berdaftar sebagai SABK ialah menerima bantuan bagi urusan pentadbiran sekolah, menerima bantuan modal bagi pembangunan fizikal sekolah, jawatan hakiki guru diwujudkan serta menerima guru yang terlatih;
- ii. Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) percuma bagi sekolah-sekolah pondok yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang berdaftar dengan JAIN/MAIN.

Dalam aspek pembangunan sekolah pondok, YAB Perdana Menteri semasa pembentangan bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 telah mengumumkan bahawa peruntukan sebanyak RM25 juta disalurkan kepada sekolah pondok yang berdaftar di seluruh negara termasuk Daerah Baling. Kaedah penyaluran peruntukan ini adalah berdasarkan bilangan murid sesebuah sekolah pondok dengan peruntukan minima sebanyak RM60,000.00 bagi sekolah yang mempunyai murid kurang daripada 50 orang murid dan maksima sebanyak RM350,000.00 bagi sekolah yang mempunyai murid melebihi 1000 orang murid.

Sekian, terima kasih.